

From: UUM CORPORATE COMM.
Sent: Wednesday, October 30, 2019 11:49 AM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: PASUKAN BOLA SEPAK VETERAN UUM MUNCUL JUARA



UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

30 OKTOBER 2019 / 2 RABIULAWWAL 1441H
=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Shuhaimi Ahmad
Gambar oleh: Mohamad Fuzi Ismail

PASUKAN BOLA SEPAK VETERAN UUM MUNCUL JUARA



UUM ONLINE: Pasukan Bola Sepak Veteran UUM menjuarai Kejohanan Bola Sepak Veteran 4 Penjurua PESKON 32, 2019 apabila mengalahkan Kelab Veteran PSKPPK Padang Terap, Kedah dengan jaringan 3-1, yang berlangsung di Stadium UUM.

Pada perlawanan akhir tersebut, Kelab Veteran PSKPPK Padang Terap membuat kejutan apabila terlebih dahulu menjaringkan gol bagi mendahului dengan jaringan 1-0.

Malah sepanjang separuh masa pertama, Kelab Veteran PSKPPK menguasai permainan dan membuat percubaan ke arah pintu gol Veteran UUM.

Akibatnya, penjaga gol Veteran UUM, Tunku Ahmad Muhazzib telah mengalami kecederaan dan terpaksa digantikan oleh Mohd Azizul Helmi. Tamat separuh masa, kedudukan kekal 1-0.

Di separuh masa kedua, Veteran UUM telah mengubah taktik kepada corak permainan yang pantas.

Hasil serangan balas yang dilakukan, Veteran UUM memperolehi sepakan penalti apabila penyerangnya, Mohd Hamzah Adanan dijatuhkan dalam kotak penalti. Sepakan penalti telah disempurnakan oleh Wan Izham Wan Abu menjadikan kedudukan 1-1.

Kedudukan ini telah menaikkan semangat pemain Veteran UUM seterusnya melancarkan serangan demi serangan.

Melalui satu hantaran jauh yang menarik daripada Shuhaimi Ahmad, penyerang Norhaizan Ab Rahman telah berjaya menjaringkan gol kedua Veteran UUM.

Keadaan ini menyebabkan permainan Kelab Veteran Padang Terap semakin goyah. Veteran UUM mengguna kesempatan ini untuk memperolehi gol ketiga, juga melalui Norhaizan Ab Rahman selepas menerima hantaran silang daripada Wan Izham Wan Abu.

Sepanjang perlawanan, pengadil telah melayangkan dua kad kuning kepada Veteran UUM dan satu kepada Kelab Veteran Padang Terap. Tetapi ini tidak menjejaskan kepada kedua-dua pasukan untuk menunjukkan permainan yang menarik dan berkualiti.

Tamat permainan, Pasukan Bola Sepak Veteran UUM – 3, Kelab Veteran PSKPPK Padang Terap, Kedah – 1.

Hadiah kemenangan disampaikan oleh Prof. Madya Dr. Rusdi Omar, Dekan GSGSG manakala penyampaian hadiah ke-3 dan ke-4 oleh Pengetua Inasis MISC, Azhar Anis Mohammad.



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.